

Tradisi Gereja sentiasa menggesa doa untuk orang mati, khususnya dengan mempersembahkan perayaan Ekaristi untuk mereka.

*Paus Fransiskus*



### Ayat Suci Minggu ini:

Daniel 12: 1-3

Mazmur 15: 5, 8-11

Ibrani 10: 11-14, 18

Markus 13: 24-32

Bacaan kedua dari surat kepada orang Ibrani menekankan kesempurnaan pengorbanan Kristus yang meyakinkan kita bahawa hubungan kita dengan Allah berakar pada kasih karunia, bukan hanya dalam usaha kita sendiri.

Banyak nabi palsu telah meramalkan pengakhiran dunia. Pengarah filem juga telah memanfaatkan topik serupa ini untuk menghasilkan filem yang menggambarkan siri cuaca ekstrem, peristiwa global bencana atau senario apokaliptik. Bilakah dunia akan berakhir? Yesus memberikan jawapan dalam Injil, "hanya Bapa yang tahu bila hari atau saat itu akan datang."

Katekismus Gereja Katolik (KGK), 675, menyatakan "Sebelum kedatangan Kristus, Gereja harus mengalami ujian terakhir yang akan menggoyahkan iman banyak orang." Apabila kita mengabdikan diri kepada kasih dan pelayanan kepada Allah, kita boleh yakin bahawa iman kita akan diuji dan kita akan menghadapi penganiayaan dalam satu atau lain cara.

Melalui penganiayaan, ujian dan kesengsaraan kita, Yesus memberi jaminan bahawa Dia sudah dekat, di pintu gerbang. Dengan kata lain, semakin besar penderitaan yang ditanggung oleh seseorang kerana iman mereka, semakin banyak Allah hadir. Dia ada di sana, di pintu hatimu, menunggumu berlari kepadaNya dengan penuh kepercayaan dan harapan.

Oleh itu, marilah kita diingatkan bahawa kehidupan kita di dunia ini adalah satu ziarah. **Di mana kita akan berdiri apabila Kristus datang, akan bergantung pada cara kita hidup sekarang.** Marilah kita mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan kematian yang tidak bersedia dengan menjalani kehidupan yang lurus setiap hari. ❖

NEW WAY OF BEING CHURCH

17 November 2024  
Hari Minggu Biasa Ke-33  
(Hari Orang Miskin Sedunia)

# newbec

G A R A M D A N T E R A N G D U N I A :  
MERAYAKAN, MENDENGAR DAN BERJALAN BERSAMA DALAM SEMANGAT  
PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI (MATIUS 5:13-16).

FOKUS BULANAN

MENGINGATI MEREKA YANG MENDAHULUI KITA

## Bersedia Menghadapi KESUSAHAN

Bacaan-bacaan hari ini mengarahkan tumpuan kita kepada akhir zaman, penghakiman terakhir dan kedatangan Kristus yang kedua.

Dalam bacaan pertama dari Daniel, kita menemui janji pembebasan bagi mereka yang setia. Gambaran tentang kebangkitan dan perhimpunan terakhir orang suci memberikan rasa harapan yang mendalam di tengah-tengah pergolakan kehidupan.

